



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya



PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN SEPANJANG PROKLAMASI DARURAT

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (KDYMM SPB YDPA) telah memperkenalkan Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan sebagai langkah proaktif dalam membendung wabak COVID-19.

Pelaksanaan Proklamasi Darurat ini akan berkuatkuasa serta merta sehingga 1 Ogos 2021 atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dengan berkesan.

Proklamasi Darurat yang diisytiharkan oleh KDYMM SPB YDPA pada waktu ini adalah untuk mengekang ancaman penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan sekaligus berisiko tinggi menggugat tiga asas utama yang dinyatakan dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan ini akan menjamin kestabilan Negara dan membolehkan Kerajaan kekal fokus kepada usaha memulihkan ekonomi serta memastikan kehidupan rakyat yang makmur dan sejahtera.

Situasi ini adalah berbeza dengan Proklamasi Darurat pada tahun 1969, yang disebabkan oleh ancaman keselamatan dan menyebabkan pengawalan ketat anggota keselamatan negara bagi menangani keadaan tegang pada ketika itu.

Dalam situasi semasa, jentera pentadbiran negara tidak akan terkesan dengan pengisytiharan darurat kerana segala operasi dalam sektor awam dan swasta yang merangkumi aktiviti

ekonomi, industri serta rantaianya berjalan seperti biasa dengan pematuhan prosedur standard operasi (SOP) dalam Perintah Kawalan Pergerakan yang masih berkuat kuasa.

Sehubungan itu, saya memberi jaminan bahawa anggota Perkhidmatan Awam akan terus memberikan komitmen dalam memastikan sistem penyampaian Kerajaan tidak terjejas berteraskan undang-undang dan Dasar Kerajaan yang diputuskan dari semasa ke semasa.

Saya dan Perkhidmatan Awam akan terus menjunjung taat setia kepada KDYMM SPB YDPA dan menyokong Pengisytiharan Proklamasi Darurat dengan menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan berpegang teguh kepada ikrar Perkhidmatan Awam dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara.

TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara

12 Januari 2021